

**SOALAN NO: 47**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DR KO CHUNG SEN [KAMPAR]  
TARIKH : 23 OKTOBER 2017  
SOALAN : 47**

**YB Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan –**

- a) sama ada Kementerian Kesihatan sudah menerima dan meluluskan permohonan daripada Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) untuk membina sebuah hospital baru di kampusnya di Kampar; dan
- b) bilangan katil, kos pembinaan dan jangka masa siap pembinaan hospital baru tersebut dan jumlah wang yang akan disalurkan oleh Kerajaan ke arah pembinaan hospital baru tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian) mengawalselia dan melesenkan hospital swasta selaras dengan ketetapan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] dan Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) 2006 [P.U. (A) 138/2006]. Kementerian telah menerima dan mengeluarkan surat tiada halangan bertarikh 25 April 2017 terhadap lokasi tersebut yang sah untuk tempoh 6 bulan.

Walau bagaimanapun, sehingga tarikh maklum balas ini disediakan Kementerian masih belum menerima permohonan untuk menubuhkan menggunakan Borang 1 yang lengkap untuk disemak oleh pihak Kementerian. Kementerian juga masih belum menerima permohonan pelanjutan tempoh sah surat tiada halangan terhadap lokasi yang dipohon.